

16/01/2004

Hidayah mampu buat kejutan

Akmal Abdullah

WALAUPUN baru bergelar penyanyi rakaman tetapi gadis ini sebenarnya sudah dikenali ramai di Johor kerana sering muncul pada persembahan kesenian anjuran kerajaan negeri itu, malah dia pernah diundang membuat persembahan diraja.

Lebih istimewa, dia pernah beraksi di depan Sultan Johor dan Sultan Brunei kerana kebolehannya mengalunkan lagu keroncong dan asli dengan begitu baik, selain pernah beberapa kali memenangi pertandingan lagu dalam irama itu.

Apapun, untuk album sulungnya, Hidayah Bahari, 18, bakal muncul dengan irama balada dan pop.

Anak penyanyi tempatan angkatan 60-an dan 70-an, Bahari Paiman ini, mula bersiap sedia melangkah dalam industri muzik atas semangat untuk menguji sejauh mana bakatnya yang dipupuk sejak darjah satu. Hidayah, anak bongsu daripada tiga beradik berasal dari Felde Adelah, Kota Tinggi, Johor.

"Memang cita-cita saya untuk menjadi penyanyi berjaya. Alhamdulillah, ibu bapa saya memberi dorongan kuat untuk saya tumpukan perhatian dalam bidang ini. Sejak di alam persekolahan lagi beberapa syarikat rakaman membuat tawaran tetapi saya tidak bersedia sebab mahu tumpukan perhatian pada pelajaran. Saya takut terikat. Sekarang apabila tamat peperiksaan SPM, baru saya bersedia dan kebetulan komposer Harun Ahmad menawarkan saya menjadi artis syarikatnya, H&H Productions.

"Album sulung saya akan diedarkan Zezz Entertainment. Untuk album ini, saya tampil dengan pop komersial dan balada. Tetapi sebagai penyanyi, saya boleh menyanyikan lagu dalam pelbagai rentak termasuklah R&B, pop, balada, nasyid, keroncong, asli dan jazz.

"Buat permulaan saya muncul dengan lagu Coretan Cinta ciptaan Harun untuk projek album The Best of Harun, kemudian selepas Februari baru saya hadir bersama album sulung," katanya yang menjadikan biduanita Datuk Sharifah Aini dan Allahyarham Datuk Rafeah Buang sebagai idolanya.

Berdasarkan mutu vokalnya dan pengalaman yang dikutip pada beberapa acara besar, malahan pernah mengadakan persembahan bersama penyanyi terkenal Siti Nurhaliza, kehadiran Hidayah mampu membuat kejutan.

Apa tidaknya, Hidayah boleh menyanyi dalam pelbagai rentak dengan cukup baik, mampu mendendangkan lagu bernada tinggi serta mahir membuat persembahan meyakinkan. Dia pernah muncul Juara Pertandingan Keroncong Johor 2001, Naib Johan Lagu Asli Johor 2001 dan tempat ketiga Bintang Radio Malaysia Johor 2003.

Kali pertama menemubualnya, gadis berzodiak Libra ini petah bercakap dan berkebolehan memberi pandangannya sendiri. Dia pernah membuat persembahan sempena Hari Keputeraan Sultan Brunei dan dan Konsert Keroncong Diraja Johor, selain pernah membuat persembahan di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Saya diberi peluang untuk menyanyi di depan PM dan Tun Dr Mahathir pada majlis makan malam di Putrajaya, dua minggu lalu. Seronok apabila PM bertepuk tangan. Masa itu saya nyanyikan lagu keroncong Uda Dan Dara, Kasih, Jambatan Merah dan Mahameru.

"Saya memang yakin boleh pergi jauh dalam nyanyian jika ada sokongan semua pihak. Saya sedar saya kena kerja keras jika mahu berjaya.

"Saya cuma berharap penampilan saya boleh diterima, bukan bererti hendak bersaing dengan bakat baru atau penyanyi popular tetapi untuk melihat

sejauh mana bakat dan kebolehan yang ada," katanya.

Hidayah juga aktif sebagai penyanyi sambilan di Yayasan Warisan Johor.

Ditanya pendapatnya mengenai industri muzik tempatan ketika ini, Hidayah menjawab: "Industri muzik kita berkembang baik walaupun tidak melonjak seperti tahun lalu. Banyak bakat baru muncul dan ini mampu memberi saingan kepada penyanyi sedia ada. Saya sebagai bakat baru juga cuba sedaya upaya meletakkan nama sebaris mereka... saya akan berusaha, Insya-Allah."